

# Aktiviti mencandat sotong diteruskan

Penganjuran dilakukan dengan SOP lebih ketat

Oleh NORHASPIDA YATIM

## KUALA NERUS

**K**erajaan negeri Terengganu bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu akan membincangkan kaedah sesuai bagi membolehkan orang luar meraih pengalaman sempena musim mencandat sotong di negeri ini.

Exco Pelancongan Kebudayaan dan Teknologi Digital Terengganu, Ariffin Deraman berkata, penganjuran aktiviti candat sotong di Terengganu bermula April hingga September depan akan melalui prosedur operasi standard (SOP) lebih ketat bagi mengelak penular-

an pandemik Covid-19.

“Perkara ini akan dibincangkan secara terperinci terutama melibatkan SOP yang bersesuaian untuk memastikan pelancong luar boleh masuk ke Terengganu bagi menyertai aktiviti mencandat sotong,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis moreh bersama media di sini pada malam Ahad.

Ariffin berkata, beberapa gimik promosi akan dilakukan selepas Aidilfitri bagi menarik kedatangan pelancong ke negeri ini.

“Aktiviti mencandat sotong akan diteruskan tahun ini dengan SOP yang lebih ketat. Kita juga akan melakukan pemeriksaan terperinci terhadap semua peserta bagi memastikan mereka sihat dan boleh menyertai aktiviti itu.



ARIFFIN DERAMAN

“Selain itu, kita juga akan meneliti sama ada kebenaran menyertai aktiviti ini hanya boleh diberikan kepada mereka yang sudah lengkap menerima dos vaksin, atau telah menjalani ujian calitan dan disahkan sihat sebelum memasuki Terengganu,” ujarnya.

Sementara itu, Ariffin berkata, pengusaha bot bagi aktiviti candat sotong turut bersedia mengurangkan sebanyak 50 peratus jumlah peserta berbanding biasa.

“Semua pengusaha bot telah bersedia mematuhi peraturan ditetapkan supaya aktiviti mencandat sotong dapat berjalan lancar.

“Jumlah peserta biasanya dalam kapasiti 20 orang akan dikurangkan mungkin menjadi 12 orang bergantung kepada muatan bagi sesebuah bot,” katanya.